

# Harris perlu bertenang: PI

BH 2 MAY 1983

**KUALA LUMPUR, Rabu**  
— Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad** menegaskan, konsep parti pelbagai kaum, keturunan dan agama sepatutnya diterima di Sabah.

Perdana Menteri berkata, kerana Berjaya memperjuangkan konsep itu, beliau yakin parti itu masih mempunyai masa depan yang cerah.

Katanya, dalam perjumpaan semalam, beliau menasihatkan Presiden Berjaya, Datuk Harris Salleh dan parti itu supaya bertenang.

Beliau menegaskan demikian kepada para pemberita sebagai mengulas kenyataan Datuk Harris, bahawa Berjaya masih mempunyai harapan untuk kembali berkuasa di Sabah, selepas majlis 'Gajah Raksasa Forbes' anjuran majalah Forbes Amerika Syarikat di Padang Kelab Selangor di sini, hari ini.

Oleh **HAMBALI A. LATIFF**

Perdana Menteri berkata, beliau telah mendengar penjelasan Presiden Berjaya itu mengenai sebab-sebab Barisan Nasional kalah dalam pilihanraya itu.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas lebih lanjut.

## Pemecatan

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengesahkan kenyataan Datuk Harris seperti yang dilaporkan akhbar-akhbar hari ini, bahawa soal pemecatan Berjaya daripada Barisan Nasional tidak dibincangkan.

Beliau menjelaskan, soal 'percubaan mengambil kuasa' oleh pakatan Berjaya-USNO juga tidak ditimbulkan.

"Saya telah menerima laporan mengenai pilihanraya Sabah, tetapi hanya daripada satu punca sahaja. Saya perlukan banyak punca," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, memang ada bermacam ke-

mahan Barisan Nasional dalam pilihanraya itu, tetapi soal itu tidak patut diperkatakan sekarang kerana Majlis Tertinggi Barisan Nasional belum membincangkannya.

Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas pendapat bahawa pilihanraya umum mungkin tidak diadakan tahun ini berikutan kekalahan Barisan Nasional di Sabah.

"Itu bergantung kepada pendapat masing-masing. Saya tidak kata apa-apa".

Ditanya apakah salah satu sebab kekalahan itu kerana terlalu ramai pemimpin pusat berkempen di Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada ia adalah antara sebabnya.

Beliau juga enggan mengulas pendapat bahawa keputusan pilihanraya Sabah menjadi sedemikian kerana tidak ada kumpulan pemimpin Islam yang besar.

Perdana Menteri juga tidak mahu mengulas mengenai cadangan supaya dihapuskan peruntukan dalam Perlembagaan Negeri Sabah, yang memberi kuasa kepada parti yang membentuk kerajaan, melantik enam orang Ahli Dewan Undangan Negeri.

"Adalah terlambat untuk memikirkan perkara itu, apalagi bila telah kalah."

Perdana Menteri menegaskan, soal kemungkinan berkurangnya pentadbir Melayu beragama Islam dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah yang baru, juga tidak perlu dirisaukan.

"Ia boleh diselesaikan melalui pentadbiran," kata Perdana Menteri sebagai mengulas berita kononnya ramai pegawai Melayu disingkir oleh kerajaan baru Sabah.

Menurutnya, Presiden Berjaya, Datuk Harris Salleh ada menimbulkan perkara itu dalam pertemuan mereka semalam.

Dalam satu kenyataan semalam, Datuk Harris mendakwa, tindakan Kerajaan Negeri Sabah pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang memecat beberapa kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkhidmat di negeri itu, telah menimbulkan keblimbangan kalangan pegawai-pegawai Melayu yang lain.